

30/06/1999

Penswastaan untuk Bumiputera cekap (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, projek penswastaan kerajaan diagihkan kepada usahawan Bumiputera berkeupayaan dan cekap mengurus perniagaan, bukan kerana mereka kroni.

Menurut Perdana Menteri, dasar penswastaan Malaysia tidak sama seperti amalan di Amerika Latin yang lebih memberi manfaat kepada usahawan dan bank dari luar negara, walaupun tindakan itu berupaya menjayakan program penswastaan.

"Di Malaysia, kita gunakan penswastaan untuk membetulkan ketidakseimbangan (kekayaan) antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Jika kita memberi projek (penswastaan) kepada yang tidak cekap, mereka akan `mengalibabkannya`.

"Oleh itu, kita memberi kepada mereka yang berkebolehan. Ini bukan pilih kasih. Dengan cara ini kita dapat melahirkan pengusaha Bumiputera yang sama taraf dengan kaum lain.

"Inilah hasrat kerajaan, bukan memilih kroni Perdana Menteri atau sesiapa. Sebenarnya, saya tak kenal orang ini (tetapi) selepas berjaya baru saya kenal kerana mereka mampu menjayakan projek penswastaan," katanya merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-34 Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tajol Rosli Ghazali dan Presiden DPMM, Tan Sri Tajudin Ramli. Perdana Menteri kemudian berdialog dengan ahli dewan itu selama kira-kira sejam.

Dr Mahathir berkata, usahawan Melayu seharusnya mengutamakan kecekapan pengurusan bagi menentukan mereka terus berjaya dalam perniagaan kerana orang Melayu mempunyai kebolehan yang sama dengan orang lain, tetapi agak kurang dari segi disiplin.

"Kalau kita dapat RM1 bilion tetapi tidak tahu menguruskan perniagaan dengan baik, kita akan gagal juga," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata rakyat asing tidak senang hati dengan tindakan kerajaan untuk membantu Bumiputera, terutama melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mereka anggap sebagai satu diskriminasi serta mendakwa menyebabkan amalan kronisme, nepotisme dan rasuah berleluasa.

Katanya, ini kerana rakyat asing tidak mendapat projek seperti penswastaan itu, selain tindakan mereka untuk menggagalkan DEB yang kini digantikan dengan Dasar Pembangunan Negara (DPN).

Beliau berkata, jika rakyat asing dengan modal yang banyak mengambilalih semua projek, penduduk tempatan akhirnya tidak mendapat apa-apa.

"Sebab itu juga kita tidak meminta bantuan luar seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang memberi pelbagai syarat kepada (negara) penerima. Kepada mereka, DEB adalah untuk kroni kerajaan.

"Ya, memang benar kroni saya sebanyak 11 juta rakyat Bumiputera di Malaysia. Saya bertanggungjawab tolong mereka. Saya akui ini semua kroni saya. Saya bertanggungjawab menolong mereka kerana mereka adalah golongan yang tidak bernasib baik di negara sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata, walau apapun berlaku terhadap ekonomi negara, Malaysia tidak meminta bantuan asing kerana tidak mahu ekonomi negara dijajah yang akhirnya memungkinkn rakyat asing menjadi penentu arah masa depan politik.

Bagaimanapun, katanya, dengan memerdekakan dasar ekonomi, pemulihan kini sudah berlaku dan pertumbuhan negara dijangka positif satu peratus tahun

ini, selain kenaikan indeks komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang semakin ketara.

Pada majlis dialog kemudian, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan terburu-buru untuk memansuhkan DEB yang memberikan keistimewaan kepada Bumiputera, walaupun ketika ini ramai yang telah mencapai kejayaan tanpa keistimewaan itu.

"(Bagaimanapun) kita tidak boleh harap sampai bila-bila dan menganggap ia hak kita sebagai Bumiputera kerana ini akan melemahkan (kita)," katanya.

Beliau turut menasihatkan usahawan Bumiputera supaya jangan melemparkan tuduhan melulu kepada sektor perbankan apabila sukar mendapat pinjaman.

"Kita tak boleh marah sangat dengan bank. Kita juga kena periksa diri kita. Kita mesti menyakinkan pihak bank. Kalau hutang, kena bayar. Kita hendaklah berpegang teguh kepada janji, terutama dalam membayar hutang kepada bank.

"Ini kerana kejayaan sesuatu perniagaan banyak bergantung kepada kepercayaan yang diperolehi daripada pihak lain. Sikap berpegang teguh kepada janji adalah satu faktor penting dalam usaha mewujudkan ahli perniagaan Melayu yang mempunyai imej yang tinggi," katanya.

Beliau juga mengingatkan ahli perniagaan Melayu supaya jangan mengabaikan peluang yang diberikan kerajaan selama ini dengan menyeleweng daripada tujuan asal mereka untuk memajukan perniagaan.

Katanya, kerajaan sudah banyak membantu golongan peniaga Melayu dengan memberi lesen dan sebagainya, tetapi sesetengah daripada mereka menyalahgunakan peluang itu dengan mengutamakan perkara lain seperti membeli kereta mewah.

(END)